

Jumaat – 04 September 2020

Halaman : 14

Bekas anggota Senoi Praaq terlantar akibat strok

GUA MUSANG – Seorang bekas anggota Senoi Praaq yang pernah bertugas sewaktu darurat kini terlantar sakit sejak dua tahun lalu selepas diserang strok.

Hussin Sani, 81, yang pernah menerima pingat dan anugerah dari Istana Kelantan dan Polis Diraja Malaysia kerana jasanya mempertahankan negara dilaporkan berada dalam keadaan separuh sedar.

Anaknya, Satini, 47, berkata, sebelum ini, bapanya kerap bercerita mengenai kehidupannya yang terpaksa bergadai nyawa menentang komunis dan tentera British.

“Sejak diserang strok, kami tidak lagi mendengar cerita mengenai pengalaman ayah.

“Kami berbangga dengan keberanian ayah menentang musuh walaupun ada kalanya bertahun-tahun tidak pulang ke rumah,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kuala Betis di sini semalam.

Katanya, bapanya yang pernah berkahwin sebanyak tujuh kali kini dijaga olehnya dan bergantung sepenuhnya dengan susu yang diberi menggunakan tiub khas.

Sementara itu, anak lelakinya, Hassan, 40, berkata, bapanya merupakan orang pertama yang membuka RPS Kuala Betis ini sebelum mengumpulkan penduduk termasuk Orang Asli.



SATINI (kiri) dan adiknya, Hassan menjaga bapa mereka yang terlantar akibat strok di RPS Kuala Betis, Gua Musang semalam.